



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



يَاسَاسِرُ قَيْرَاوُ
YAYASAN PERAK

MODUL ESEI RUBRIK-ESER-

G E O G R A F I

TINGKATAN 4&5

TICKET TO VICTORY V.3



TERBITAN:



SEKTOR PEMBELAJARAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
We Deliver



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



يَاسَاسَنُ فِيرَاوُ
YAYASAN PERAK

MODUL TICKET TO VICTORY 3.0

ESEI RUBRIK (ESER)

GEOGRAFI

TINGKATAN EMPAT DAN TINGKATAN LIMA



KATA ALU-ALUAN PENGARAH PENDIDIKAN

Dato' Mohamad Fauzi bin Mahson,
Pengarah Pendidikan
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

Assalamualaikum
Warahmatullahi wabarakatuh
dan Salam “We Deliver”

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT atas perkenan dan limpah kurnia-Nya, Modul *Ticket to Victory* dengan jayanya dapat dihasilkan. Modul ini selaras dengan perekaan bentuk format pentaksiran berdasarkan Sukatan Pelajaran (SP) yang dikeluarkan oleh Lembaga Peperiksaan (LP) dan mengandungi soalan-soalan peperiksaan mirip soalan sebenar.

Penghasilan modul ini merupakan inisiatif murni yang memerlukan kolaboratif akrab antara Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Sektor Pembelajaran dengan jaringan kerjasama Yayasan Perak dan guru-guru pakar serta berpengalaman dalam menterjemahkan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan.

Usaha murni ini juga membuktikan bahawa warga pendidik negeri Perak berkualiti dan mendukung elemen teras yang terkandung dalam Hala Tuju Pendidikan Negeri Perak iaitu *The G.R.E.A.T Civil Service*, Ekosistem Mampan, Sekolah Milik Masyarakat dan jiwa pendidik. Guru yang sentiasa peka dengan keperluan pelajar dan sentiasa beradaptasi terhadap perubahan semasa bagi menyediakan pelajar kalis masa hadapan.

Sepanjang penghasilan modul ini, guru berusaha ke arah melakukan transformasi pendidikan dalam membangunkan profesionalisme keguruan yang bermatlamatkan kepada kemenjadian pelajar agar kualiti modul berada pada tahap yang baik dan memenuhi format LP.

Bagi mengangkat kecemerlangan pendidikan negeri Perak, khususnya dalam pencapaian Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, penghasilan modul ini telah digerakkan agar dapat merealisasikan misi dan visi yang telah disasarkan seiring dengan hala tuju pendidikan negeri Perak dalam membangunkan potensi setiap daripada seorang anak didik. Modul *Ticket to Victory* yang mengandungi panduan dan tips untuk pelajar menjawab soalan peperiksaan dengan betul dan latihan mirip soalan sebenar sememangnya dinantikan oleh guru-guru Tingkatan Lima dan pelajar-pelajar SPM.

Saya merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada Yayasan Perak, para pegawai Sektor Pembelajaran serta ahli panel warga pendidik yang bergabung tenaga dan idea dalam penghasilan modul ini. Sesungguhnya besar harapan kita semua agar Modul *Ticket to Victory* ini dapat dimanfaatkan oleh para guru dengan sebaik-baiknya agar dapat memberikan kejayaan kepada kemenjadian pelajar khususnya dalam peperiksaan SPM.

Marilah kita memohon hidayah daripada Allah SWT, semoga segala usaha murni yang dilakukan ini akan menghasilkan kejayaan dan kecemerlangan melalui restu dan inayah-Nya. Sekian, terima kasih.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK



Encik Safuan bin Hj Raba'ai,
Timbalan Pengarah Pendidikan
Sektor Pembelajaran
Jabatan Pendidikan Negeri Perak

PRAKATA

TIM PENGARAH PENDIDIKAN

SEKTOR PEMBELAJARAN

Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam “*We Deliver*”

Sektor Pembelajaran Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah mengorak langkah dengan menghasilkan Modul *Ticket To Victory* 3.0. Penambahbaikan modul ini rentetan daripada impak dan keberkesanan penghasilan modul siri kedua yang berjaya meningkatkan pencapaian pelajar dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Diharapkan penghasilan modul ini yang merupakan sebagai bahan sokongan kepada guru-guru dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran guru dalam PdP di samping sebagai rujukan utama pelajar agar dapat meningkatkan pencapaian seterusnya dapat merealisasikan aspirasi berada pada kedudukan 1/3 teratas dalam peperiksaan awam di peringkat kebangsaan.

Rakaman penghargaan yang tidak terhingga juga kepada Yayasan Perak atas kesudian menyediakan peruntukan untuk penghasilan modul pada kali ini. Tidak dilupakan juga kepada pegawai Sektor Pembelajaran dan guru-guru yang berpengalaman dan sentiasa menghulurkan sokongan dan bantuan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Perak dalam menyediakan bahan sokongan kepada guru. Bersama-samalah kita dengan prinsip *open the new horizon*, menilai dan menganalisis strategi dan taktikal agar dapat melakukan penambahbaikan dalam pendidikan.

Prinsip ini menjadi batu loncatan dan motivasi untuk kita melakukan inisiatif dan tindakan yang mencabar proses atau *challenge the process*.

Usaha gigih dan komitmen daripada semua yang terlibat menggambarkan kualiti pendidik di Perak berada pada tahap yang cemerlang selaras dengan empat teras strategik utama dalam Hala Tuju Pendidikan Negeri Perak iaitu Kepimpinan, Kompetensi Digital, Profesionalisme Keguruan dan Sokongan Strategik. Jiwa pendidik antara elemen yang menyokong teras utama ini melalui guru yang sentiasa mempunyai *sense of urgency* dalam melaksanakan tugas, komited dan berdedikasi, membudayakan perkongsian ilmu dan kemahiran serta sentiasa ke arah menyediakan sokongan pembelajaran dalam memenuhi PdP yang autentik dan bermakna.

Teruskan usaha murni warga pendidik dengan menyediakan modul-modul yang berinovasi digital serta kompetitif yang akan memberikan impak besar kepada kecemerlangan pelajar-pelajar di negeri Perak dan memberikan suatu dimensi yang berlainan dalam dunia pendidikan. Selaras dengan elemen yang mendukung kompetensi digital apabila guru perlu cakna perubahan digital dan mempunyai antusiasme terhadap teknologi dan pengembangan kompetensi digital.

Akhir kata, sekali lagi saya menzahirkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam penghasilan modul ini. Semoga matlamat dan hasrat murni ini dapat membantu peningkatan pencapaian pelajar-pelajar demi menggapai cita-cita mereka untuk cemerlang dalam peperiksaan nanti. Insya-Allah.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK

PANEL MODUL ESER GEOGRAFI SPM



PN. BADARIYAH BT MT NOR
SMK DATO' HJ HUSSEIN



PN. NOR ASMAH BT ZULKIFLI
SMK SIMPANG BELURU



PN. NORMAH BT DALI
SMK KHIR JOHARI



PN. LAW THING THING
SMK BIDOR



EN. MOHD HAFIZ BIN MD ISA
SMK GUNUNG SEMANGGOL



PN. MARIAH BT HUSSEIN
SMK BAGAN SERAI

dan
Semua Sekolah Di Negeri Perak Yang Terlibat Dengan
Pembinaan Modul Soalan Esei Rubrik (ESER)

SENARAI KANDUNGAN

Kandungan	Halaman
Prakata	2
Prakata Pengarah Pendidikan	3
Prakata Timbalan Pengarah Pendidikan	4
Panel Modul ESER Geografi SPM	5
Format Geografi KSSM SPM	6
Kata Tugas Soalan Geografi	7
Panduan Menjawab Soalan Struktur dan Esei Geografi	8
Fakta-fakta yang Relevan dalam Sub Topik Geografi	8
Contoh Jawapan Esei Rubrik Geografi	10-16
Geografi Tingkatan 4	
Bab 5: Pergerakan Plat Tektonik	18
Bab 6: Pembentukan dan Kepentingan Batuan	19
Bab 7: Proses dan Kesan Luluh hawa	20
Bab 8: Proses dan Kesan Gerakan Jisim	21
Bab 9: Pembentukan dan Kelestarian Sungai	22-23
Bab 10: Tindakan Ombak di Pinggir Pantai	24
Bab 11: Taburan Penduduk Dunia	25
Bab 12: Pertumbuhan Penduduk Dunia	26-27
Bab 13: Migrasi Penduduk	28-30
Bab 14: Petempatan	31-33
Bab 15: Urbanisasi	34-35
Cadangan Jawapan	54-112
Geografi Tingkatan 5	
Bab 3: Fenomena Cuaca dan Iklim	37-39
Bab 4: Cuaca dan Iklim serta Pengaruhnya	40
Bab 5: Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	41-43
Bab 6: Pemeliharaan dan Pemuliharaan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar	41-43
Bab 7: Sumber Tenaga	44-45
Bab 8: Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga	46-47
Bab 9: Kegiatan Ekonomi	48-52
Bab 10: Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar	48-52
Cadangan Jawapan	114-159

FORMAT GEOGRAFI KSSM SPM

Bil	Perkara	Kertas 1 (2280/1)	Kertas 2 (2280/2)
1	Jenis Instrumen	Ujian Bertulis	
2	Jenis Item	Objektif Aneka Pilihan	- Subjektif Respon Terhad - Subjektif Respon Terbuka
3	Bilangan Soalan	40 soalan (Jawab semua soalan)	Bahagian A (30 markah) 2 soalan (Jawab semua soalan) Bahagian B (30 markah) 3 soalan (Jawab semua soalan) Bahagian C (40 markah) 4 soalan (Jawab dua soalan)
4	Jumlah Markah	40 markah	100 markah
5	Konstruk	- Mengetahui - Memahami - Mengaplikasi - Menganalisis	- Mengetahui - Memahami - Mengaplikasi - Menganalisis - Menilai - Mencipta
6	Tempoh Ujian	1 jam 15 minit	2 jam 30 minit
7	Cakupan Konteks	Standard kandungan dan standard pembelajaran dalam Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) KSSM (Tingkatan 4 dan 5)	
8	Aras Kesukaran	Rendah : Sederhana : Tinggi 5 : 3 : 2	
9	Kaedah Penskoran	Dikotomus	- Analitik - Holistik

KATA TUGAS SOALAN GEOGRAFI

BIL	KATA TUGAS	PENERANGAN
1	Apakah /Namakan	➤ Memberikan nama/jenis ➤ 1 fakta = 1 markah
2	Nyatakan	➤ Memberikan fakta ➤ 1 fakta = 1 markah
3	Kemukakan	➤ Memberikan fakta ➤ 1 fakta = 1 markah
4	Berikan	➤ Memberikan fakta ➤ 1 fakta = 1 markah
5	Jelaskan	➤ Memberi penerangan tentang sesuatu dengan sokongan supaya senang difahami ➤ 1F + 1H / 1C = 2 markah
6	Terangkan	➤ Memberi penerangan tentang sesuatu dengan sokongan supaya senang difahami ➤ 1F + 1H / 1C = 2 markah
7	Huraikan	➤ Memperihalkan sesuatu dengan lebih terperinci ➤ 1F + 1H +1HL+ 1C = 3 markah ➤ 6 / 8 markah (Rubrik)
8	Bandingkan	➤ Memberi perbezaan. Aspek perbezaan mestilah sama ➤ 1H + 1H = 2 markah ➤ Boleh jawab dalam jadual @ ayat menggunakan perkataan '<i>manakala</i>'
9	Berapakah/Ukur / Hitungkan	➤ Memberi nilai berangka ➤ Jawapan = 2 markah
10	Lukiskan	➤ Melukis gra bar / garis / carta pai - Tajuk, label Paksi X, label Paksi Y, Skala, Plotan, Petunjuk, sudut sektor, jejari
11	Mengapakah	➤ Memberi sebab/alasan/kepentingan/kesan tentang sesuatu isu ➤ 1F + 1H / 1C = 2 markah
12	Cadangkan	➤ Memberi langkah/usaha/kaedah ➤ 1F = 1 markah
13	Bagaimanakah	➤ Memberi penerangan tentang cara / langkah / keadaan ➤ 1F + 1H / 1C = 2 markah
12	Setujukah / Wajarkah	➤ Perlu ada satu pendirian ➤ Pendirian perlu disokong dengan hujah / alasan / pandangan secara mendalam (F+H+HL+C) ➤ Jawap dalam perenggan ➤ 6 / 8 markah (Rubrik)

PANDUAN MENJAWAB SOALAN STRUKTUR DAN ESEI GEOGRAFI

Kehendak soalan	Cara menjawab.
Faktor / Punca	Faktor yang mempengaruhi ialah terdapat Hal ini disebabkan oleh..... Contohnya..... #jawab dalam perenggan
Kepentingan / Faedah / Kebaikan / Sumbangan	Kepentinganialah dapat ‘<i>me</i>’..... Hal ini disebabkan oleh Contohnya #jawab dalam perenggan
Kesan ke atas alam sekitar	Kesan..... ke atas alam sekitar ialah akan mengakibatkan ‘TUAHH’. Ini disebabkan oleh Contohnya #jawab dalam perenggan
Kesan ke atas manusia	Kesan..... ke atas manusia/penduduk sekitar/penduduk setempat ialah akan mengakibatkan..... Ini disebabkan oleh Contohnya #jawab dalam perenggan
Langkah / Kaedah / Cara	Kuat kuasa undang2 Kempen kesedaran alam sekitar Pendidikan alam sekitar Tanam pokok Wartakan taman negara RnD Berkongsi kereta Guna petrol tanpa plumbum

FAKTA-FAKTA YANG RELEVAN DALAM SUB TOPIK GEOGRAFI

Kehendak soalan	Isi
Faktor / Punca	• Bentuk muka bumi – tanah pamah/rata/luas • Saliran – sungai/tasik/ laut / saliran baik / saliran buruk • Pengangkutan - baik / lengkap / jalan raya / jalan keretapi • Iklim – khatulistiwa / ciri2 iklim • Tenaga buruh – ramai / tempatan / asing / mahir / kurang mahir • Kemudahan awam / infrastruktur / asas
Kepentingan / Faedah / Kebaikan / Sumbangan kepada manusia / pembangunan ekonomi	▪ Meningkatkan pendapatan negara ▪ Meningkatkan pendapatan penduduk ▪ Mewujudkan kawasan baru ▪ Meningkatkan kemudahan infrastruktur ▪ Meningkatkan taraf hidup
Kepentingan / Faedah / Kebaikan / Sumbangan kepada alam sekitar / ekosistem	➤ Keseimbangan ekosistem ➤ Sumber makanan kepada haiwan ➤ Habitat flora ➤ Habitat fauna ➤ Menyederhanakan suhu
Kesan ke atas alam sekitar	Tanah – pencemaran tanah / tanah runtuh / hakisan tanah Udara – pencemaran udara / jerebu / suhu setempat meningkat / Air – pencemaran air / banjir / banjir kilat / hujan asid Hutan / Flora – flora dan habitat flora musnah Haiwan / Fauna – fauna dan habitat fauna musnah
Kesan ke atas manusia	• Nyawa manusia terkorban • Kemusnahan harta benda • Kemusnahan infrastruktur • Aktiviti harian terganggu • Bekalan air tercemar
Langkah / Kaedah / Cara	• Kuat kuasa undang2 • Kempen kesedaran alam sekitar • Pendidikan alam sekitar • Tanam pokok • Wartakan taman negara • RnD • Berkongsi kereta • Guna petrol tanpa plumbum

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 1

Terangkan tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami. [8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 4

ARAS 4

- Fakta + huraian lengkap dan mendalam (huraian lanjut)
- Keterangan betul, sangat tepat, sangat jelas dan matang
- Memberi contoh yang betul dan sangat tepat
- Mengemukakan idea yang sangat bernas, kreatif dan rasional
- Menyatakan pendirian dengan jelas

Tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami ialah memasang alat pengesan tsunami yang dapat memberikan maklumat awal kepada masyarakat untuk menyelamatkan diri dan bersedia menghadapi ancaman alam seperti sistem DART.

Selain itu menggunakan teknologi kalis gempa terhadap sesebuah bangunan pencakar langit supaya dapat mengurangkan gegaran terhadap bangunan. Sebagai contoh negara yang menggunakan teknologi kalis gempa ialah negara Jepun.

Di samping itu memberikan pendidikan awal kepada murid-murid tentang langkah menghadapi bencana alam dalam mata pelajaran Sains dan Geografi.

Seteruskan tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami ialah memberi latihan. Contohnya murid di negara Jepun berlatih berlindung di bawah meja sekiranya berlaku gempa bumi.

Akhir sekali mengadakan kempen kesedaran alam sekitar tentang kepentingan menanam pokok bakau atau mengekalkan tanaman pokok bakau yang dapat mengurangkan arus ombak. Contoh di pantai Bagan Lalang, Selangor.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 1

Terangkan tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami.

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 3

ARAS 3

- Fakta + huraian lengkap
- Keterangan betul, tepat, jelas dan matang
- Memberi contoh yang betul dan tepat
- Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional
- Menyatakan pendirian dengan jelas
- Memahami dan mengaplikasi fakta geografi

Tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami ialah pasang sistem amaran awal bagi mempercepatkan pemindahan penduduk di kawasan pantai. Contoh sistem DART.

Seterusnya memberi latihan awal bagi menghadapi gempa bumi dan tsunami. Contoh murid sekolah di Jepun duduk di bawah meja untuk menyelamatkan diri.

Selain itu menyediakan pusat pemindahan yang selamat dari sebarang ancaman. Di samping menyediakan pelbagai kemudahan seperti makanan.

Membina benteng penghalang ombak di pinggir pantai bagi menghalang ombak tsunami.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

CONTOH JAWAPAN ARAS 2

ARAS 2

- Fakta + huraian masih tepat/betul
- Huraian yang munasabah dan relevan
- Memberi contoh yang sesuai
- Olahan dan komunikasi yang menarik

Tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami ialah mendengar bunyi siren sebagai tanda kecemasan ketika berlaku gempa bumi dan tsunami.

Selain itu pergi ke tempat selamat seperti pusat pemindahan jika berlaku bencana. Pusat perpindahan perlu sediakan rawatan, makanan, dan tempat tinggal kepada mangsa.

Seterusnya penguatkuasa perlu mengawasi tempat-tempat kejadian agar tiada masyarakat terperangkap.

CONTOH JAWAPAN ARAS 1

ARAS 1

- Penyataan / keterangan umum
- Menyenaraikan fakta / isi sahaja tanpa huraian tanpa contoh
- Olahan tidak menarik
- Menyatakan pendirian dengan memberi alasan umum

Tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami ialah teknologi kalis gempa. Selain itu menyediakan tempat perlindungan yang selamat. Seterusnya menyediakan sistem amalan awal.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 2

Huraikan langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia.

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 4

ARAS 4

- Fakta + huraian lengkap dan mendalam (huraian lanjut)
- Keterangan betul, sangat tepat, sangat jelas dan matang
- Memberi contoh yang betul dan sangat tepat
- Mengemukakan idea yang sangat bernas, kreatif dan rasional
- Menyatakan pendirian dengan jelas

Langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah menggunakan mesin dan jentera yang canggih di dalam kilang. Ini dapat mengurangkan pengambilan tenaga buruh asing. Contohnya mesin

Langkah seterusnya yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah melanjutkan usia persaraaan bagi orang yang bekerja. Contoh melanjutkan usia ke 60 tahun. Hal ini akan membolehkan tenaga kerja tempatan dapat diteruskan sehingga usia persaraan.

Menggunakan perkhidmatan layan diri juga satu langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing. Contohnya di restoran mereka boleh menyediakan QR code untuk memesan makanan dan menggunakan robot untuk menghantar makanan ke meja-meja.

Selain itu, menggalakan wanita bekerja juga boleh dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing. Selain dapat seimbangkan pekerja lelaki dan wanita, dapat mengurangkan pengambilan pekerja asing. Contoh wanita Indonesia menjadi pembantu rumah di Malaysia.

Negara kita juga boleh memberi latihan kepada penduduk tempatan terutama kepada mereka yang sedang mencari pekerjaan yang memerlukan kemahiran. Contohnya bidang pemotoran atau automatif. Hal demikian akan dapat meningkatkan kemahiran pekerja tempatan dan kurang pengambilan tenaga asing.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 2

Huraikan langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia.

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 3

ARAS 3

- Fakta + huraian lengkap
- Keterangan betul, tepat, jelas dan matang
- Memberi contoh yang betul dan tepat
- Mengemukakan idea yang bernas, kreatif dan rasional
- Menyatakan pendirian dengan jelas
- Memahami dan mengaplikasi fakta geografi

Langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah menggunakan mesin dan jentera yang canggih di dalam kilang. Ini dapat mengurangkan pengambilan tenaga buruh asing.

Langkah seterusnya yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah melanjutkan usia persaraaan bagi orang yang bekerja. Contoh melanjutkan usia ke 60 tahun.

Menggunakan perkhidmatan layan diri juga satu langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing. Contohnya di restoran.

Selain itu, menggalakan wanita bekerja juga boleh dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing. Contoh sebagai pembantu rumah yang kebanyakan dari negara Indonesia.

Negara kita juga boleh memberi latihan kepada penduduk tempatan. Contohnya bidang pemotoran atau automatif. Hal demikian akan dapat meningkatkan kemahiran pekerja tempatan dan kurang pengambilan tenaga asing.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 2

Huraikan langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia.

[8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 2

ARAS 2

- Fakta + huraian masih tepat/betul
- Huraian yang munasabah dan relevan
- Memberi contoh yang sesuai
- Olahan dan komunikasi yang menarik

Langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah menggunakan mesin dan jentera yang canggih di dalam kilang. Ini dapat mengurangkan pengambilan tenaga buruh asing.

Langkah seterusnya yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah melanjutkan usia persaraan bagi orang yang bekerja.

Menggunakan perkhidmatan layan diri juga satu langkah yang boleh dilaksanakan bagi mengurangkan pengambilan pekerja asing.

Selain itu, menggalakan wanita bekerja juga boleh dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing

Negara kita juga boleh memberi latihan kepada penduduk tempatan. Hal demikian akan dapat meningkatkan kemahiran penduduk tempatan.

CONTOH JAWAPAN ESEI RUBRIK GEOGRAFI

SOALAN 2

Huraikan langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia. [8 markah]

CONTOH JAWAPAN ARAS 1

ARAS 1

- Penyataan / keterangan umum
- Menyenaraikan fakta / isi sahaja tanpa huraian tanpa contoh
- Olahan tidak menarik
- Menyatakan pendirian dengan memberi alasan umum

Langkah yang perlu dilaksanakan untuk mengurangkan pengambilan pekerja asing tanpa menjejaskan pembangunan negara Malaysia ialah

- *menggunakan mesin dan jentera yang canggih di dalam kilang*
- *melanjutkan usia persaraaan bagi orang yang bekerja.*
- *menggunakan perkhidmatan layan diri*
- *menggalakan wanita bekerja*
- *memberi latihan kepada penduduk tempatan.*

SOALAN GEOGRAFI TINGKATAN 4
BAB 5 HINGGA BAB 15
BAHAGIAN C

Geografi Tingkatan 4
Bab 5: Pergerakan Plat Tektonik

Bahagian C

- 1 (a) Bagaimanakah kejadian gempa bumi berlaku? [4 markah]
- (b) Terangkan tindakan yang boleh diambil sebagai persediaan menghadapi ancaman gempa bumi dan tsunami. [8 markah]
- (c) Pernyataan berikut berkaitan dengan fenomena alam.
Kesan letusan gunung berapi dapat memberi impak positif terhadap aktiviti ekonomi penduduk setempat.


Kesan letusan gunung berapi dapat memberi impak positif terhadap aktiviti ekonomi penduduk setempat.

Sumber: <http://merdeka.com>

Beri ulasan anda terhadap pernyataan di atas.

[8 markah]

Peta 1 untuk soalan 2(a)




P		R	
Q		S	

- 2 (a) Di atas Peta 1, namakan:
- (i) Plat benua bertanda **P**
 - (ii) Plat benua bertanda **Q**
 - (iii) Plat lautan bertanda **R**
 - (iv) Plat lautan bertanda **S**
- [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan negatif letusan gunung berapi tersebut terhadap manusia. [8 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah mengurangkan kesan akibat letusan gunung berapi tersebut. [8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 6: Pembentukan Dan Kepentingan Batuan

Bahagian C

Peta 2 untuk soalan 1(a)



K		M	
L		N	

- 1 (a) Di atas Peta 2, namakan lokasi bagi:
- (i) Batuan metamorfosis bertanda **K**
 - (ii) Batuan metamorfosis bertanda **L**
 - (iii) Batuan igneus bertanda **M**
 - (iv) Batuan igneus bertanda **N**
- [4 markah]
- (b) Sebagai seorang ahli Geologi, bagaimanakah anda membezakan batuan igneus dan batuan metamorfosis?
- [6 markah]
- (c) Jelaskan kepentingan batuan terhadap pembangunan negara.
- [6 markah]
- (d) Terangkan langkah pemeliharaan sumber batuan.
- [4 markah]
- 2 (a) Terangkan proses pembentukan batuan enapan.
- [6 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan batuan kepada manusia.
- [8 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah yang boleh diamalkan untuk mengekalkan kawasan gua batu kapur.
- [6 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 7: Proses Dan Kesan Luluh Hawa

Bahagian C

- 1 (a) Pada pandangan anda, wajarkah kawasan pandang darat karst di Malaysia dimajukan? Berikan alasan anda [8 markah]
- (b) Terangkan kegiatan manusia yang mempengaruhi proses luluhawa di kawasan pandang darat karst? [4 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah yang boleh diamalkan untuk memelihara dan memulihara kawasan gua batu kapur di Malaysia. [8 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 2.



- 2 (a) Terangkan faktor yang mempengaruhi proses luluhawa dalam Foto 2? [6 markah]
- (b) Jelaskan kepentingan luluhawa terhadap pembangunan ekonomi di Malaysia? [8 markah]
- (c) Terangkan bagaimana aktiviti manusia meningkat kejadian luluhawa biologi [6 markah]
- 3 (a) Pada pendapat anda, sekiranya kawasan batu kapur dibangunkan, jelaskan kesannya kepada alam sekitar. [6 markah]
- (b) Jelaskan faktor fizikal yang mempercepatkan proses luluhawa di kawasan Tropika Lembap? [6 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah untuk memelihara dan memulihara kawasan gua batu kapur di Malaysia? [8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 8: Proses Dan Kesan Gerakan Jisim

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan Foto 1 berikut.



Foto 1

- 1 (a) Jelaskan proses gerakan jisim dalam Foto 1. [4 markah]
- (b) Mengapakah gerakan jisim dalam foto di atas sering berlaku di kawasan Tropika lembap? [4 markah]
- (c) Jelaskan kesan kejadian tersebut terhadap manusia dan alam sekitar [6 markah]
- (d) Andaikan anda seorang perancang bandar, cadangkan langkah-langkah untuk mengatasi masalah tersebut. [6 markah]

Soalan 2 berdasarkan Foto 2 di bawah.




Foto 2

- 2 (a) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya gerakan jisim dalam Foto 2. [8 markah]
- (b) Huraikan kesan-kesan fenomena tersebut terhadap alam sekitar. [6 markah]
- (c) Sebagai seorang Pegawai Alam Sekitar, cadangkan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengurangkan risiko kejadian tersebut. [6 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 9: Pembentukan Sungai Dan Kelestarian Sungai

Bahagian C

Peta 1 untuk soalan 1(a)



Peta 1: Peta Malaysia

P		R	
Q		S	

- 1 (a) Di atas peta 1, namakan :
- (i) Sungai sempadan negeri bertanda P
 - (ii) Sungai untuk penjaan hidroeletrik bertanda Q
 - (iii) Sungai terpanjang di Malaysia bertanda R
 - (iv) Sungai untuk mengangkut balak bertanda S
- [4 markah]
- (b) Terangkan punca yang menyebabkan kualiti air sungai di Malaysia sering terjejas.
- [4 markah]
- (c) Huraikan kesan kemerosotan kualiti air sungai terhadap manusia dan alam sekitar.
- [6 markah]
- (d) Pada pendapat anda, bagaimanakah usaha-usaha yang boleh dijalankan untuk melestarikan sungai demi generasi akan datang di Malaysia?
- [6 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 9: Pembentukan Sungai Dan Kelestarian Sungai

Bahagian C

Soalan 2 berdasarkan foto 1 di bawah.



Foto 1

- 2 (a) Jelaskan kepentingan kawasan dalam Foto 1 terhadap alam sekitar dan manusia.
[6 markah]
- (b) Bagaimanakah tindakan manusia boleh menjejaskan kelestarian kawasan tersebut.
[6 markah]
- (c) Aktiviti manusia telah mengubah sifat semula jadi sungai. Jelaskan bagaimana aktiviti manusia boleh menyebabkan berlakunya pencemaran sungai.
[8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 10 : Tindakan Ombak Di Pinggir Pantai

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan.



Foto 1

- 1 (a) Jelaskan kegiatan ekonomi yang boleh dijalankan di kawasan dalam Foto 1.
[6 markah]
- (b) Jelaskan kesan kegiatan manusia di kawasan pinggir pantai terhadap alam sekitar.
[6 markah]
- (c) Cadangkan usaha pemeliharaan dan pemuliharaan di kawasan pinggir pantai tersebut.
[8 markah]

- 2 (a) Apakah kepentingan sumber pantai dan marin kepada manusia dan alam sekitar?
[4 markah]
- (b) Mengapakah kawasan pinggir laut di Malaysia terkenal dengan kawasan ekopelancongan?
[6 markah]
- (c) Bincangkan langkah pemeliharaan dan pemuliharaan yang boleh dilaksanakan di kawasan pinggir pantai.
[8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 11: Taburan Penduduk Dunia

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan foto berikut.




Foto 1

- 1 (a) Berdasarkan foto 1, jelaskan faktor fizikal yang menyebabkan sesetengah kawasan di dunia mengalami taburan penduduk jarang. [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan kependudukan di negara yang mempunyai kurang penduduk. [8 markah]
- (c) Huraikan langkah-langkah bagi mengatasi masalah kependudukan di negara kurang penduduk. [8 markah]

Soalan 2 berdasarkan peta 1 : Taburan Penduduk Dunia



Peta 1 : Taburan Penduduk Dunia


- 2 (a) Mengapakah kawasan bertanda **P** dan **Q** dalam peta di atas berpenduduk padat ? [8 markah]
- (b) Jelaskan kesan taburan penduduk padat terhadap kawasan tersebut. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah taburan penduduk di kawasan bertanda **X** dan **Y** mempengaruhi kegiatan ekonomi dan sosial ? [8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 12: Pertumbuhan Penduduk Dunia

Bahagian C

- 1 (a) Nyatakan faktor yang mempengaruhi penurunan kadar kematian di sesebuah negara?
[4 markah]
- (b) Terangkan kesan kependudukan di negara yang mempunyai kurang penduduk.
[6 markah]
- (c) Cadangkan langkah untuk mengatasi kesan kependudukan di negara kurang penduduk.
[4 markah]
- (d) Huraikan faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di Lembah Klang.
[6 markah]

Soalan 2 berdasarkan Rajah 1 berikut.



Piramid Penduduk Negara X
Rajah 1

- 2 (a) Berdasarkan Rajah 1, terangkan jenis piramid penduduk Negara X beserta contoh negaranya.
[4 markah]
- (b) Berdasarkan piramid penduduk di atas, terangkan kaitan antara ciri piramid penduduk dengan ciri kependudukan Negara X.
[6 markah]
- (c) Huraikan masalah kependudukan yang mungkin dialami oleh Negara X.
[6 markah]
- (d) Kemukakan langkah-langkah bagi mengatasi masalah kependudukan di 2(c).
[4 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 12: Pertumbuhan Penduduk Dunia

Bahagian C

Jadual 1 menunjukkan peratus struktur penduduk di Malaysia bagi tahun 1990 dan 2010..

Kumpulan Umur	TAHUN	
	1990	2010
0-14	37.7%	29.7%
15-39	42.2%	40.9%
40-64	17.3%	24.9%
65 dan ke atas	2.8%	4.5%

Jadual 1

- 3 (a) Berdasarkan jadual 1, mengapakah berlakunya perbezaan peratus perubahan penduduk kumpulan umur 0-14 tahun antara tahun 1990 dan 2010?
[6 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan golongan tua antara tahun 1990 dan 2010.
[4 markah]
- (c) Terangkan faktor yang mempengaruhi pertambahan jumlah penduduk Malaysia.
[6 markah]
- (d) Terangkan langkah mengatasi masalah kekurangan tenaga kerja di Malaysia,
[4 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 13: Migrasi Penduduk

Bahagian C

Jadual 1 menunjukkan statistik migrasi penduduk tahun 2018.

Migrasi Dalam Negeri (60.8 %)	
Jenis migrasi	Jumlah (%)
Bandar ke luar bandar	6.3
Luar bandar ke bandar	19.8
Luar bandar ke luar bandar	7.0

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018

Jadual 1

- 1 (a) Berdasarkan jadual 1, mengapakah peratusan migrasi bandar ke bandar lebih tinggi?

[4 markah]

- (b) Jelaskan kesan migrasi bandar ke bandar terhadap proses urbanisasi.

[8 markah]

Terdapat seramai 1.5 juta pekerja asing di Malaysia

Sumber: *Harian Metro*. 29/7/2020

- (c) Pada pendapat anda, wajarkah Malaysia bergantung kepada tenaga pekerja asing?

[8 markah]

Jadual 2 menunjukkan jumlah penduduk Malaysia.

Tahun	Jumlah Penduduk Malaysia (juta orang)
2006	26.5
2010	28.5
2014	30.4

Jadual 2

- 2 (a) Berdasarkan jadual di atas, terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan jumlah penduduk Malaysia dari tahun 2006 hingga tahun 2014.

[6 markah]

- (b) Mengapakah migrasi masuk ke Malaysia semakin meningkat?

[6 markah]

- (c) Mengapakah negeri-negeri Pantai Barat Semenanjung Malaysia mempunyai taburan penduduk padat berbanding negeri-negeri lain di Malaysia

[4 markah]

- (d) Cadangkan langkah untuk mengatasi masalah taburan penduduk padat di Malaysia.

[4 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 13: Migrasi Penduduk

Bahagian C


Jadual berikut adalah statistik yang menunjukkan kadar kelahiran di negara M pada tahun 2005 hingga 2007.

Tahun	2005	2006	2007
Kadar kelahiran kasar	18.4	18.0	17.6

- 3 (a) Jelaskan **empat** faktor yang mempengaruhi perubahan kadar kelahiran kasar seperti yang ditunjukkan dalam jadual di atas.

[4 markah]

Kawasan berlorek dalam peta 1 adalah kawasan yang berpenduduk padat.



Peta 1 : SEMENANJUNG MALAYSIA

- (b) Huraikan faktor yang mempengaruhi kepadatan penduduk di kawasan berlorek dalam peta 1.

[6 markah]

- (c) Terangkan faktor tarikan yang mempengaruhi migrasi antarabangsa di Malaysia.

[6 markah]

- (d) Kemukakan **empat** kesan migrasi antarabangsa terhadap negara Malaysia.

[4 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 13: Migrasi Penduduk

Bahagian C


Jadual 1 menunjukkan kadar kelahiran dan kadar kematian negara **X** pada tahun 2002 dan tahun 2003.

Tahun	2002	2003
Kadar kelahiran (%)	2.70	2.90
Kadar kematian (%)	0.49	0.45

- 4 (a) Berapakah kadar pertumbuhan penduduk semula jadi Negara **X** pada tahun 2002 dan tahun 2003?

[2 markah]

Kawasan berlorek dalam peta 1 menunjukkan kawasan berpenduduk padat di Lembangan St. Lawrence, Kanada.




Peta 1

- (b) Nyatakan **enam** faktor yang meyebabkan kawasan tersebut berpenduduk padat.
[6 markah]
- (c) Terangkan faktor yang mempengaruhi migrasi antarabangsa.
[6 markah]
- (d) Nyatakan **enam** kesan migrasi antarabangsa terhadap negara yang dituju.
[6 markah]

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan Peta 1 berikut.



Peta 1: MALAYSIA

P	
Q	

R	
S	

- 1 (a) Di atas Peta 1, namakan:
- i) Bandar sempadan bertanda P
 - ii) Bandar teknologi maklumat dan telekomunikasi bertanda Q
 - iii) Bandar diraja bertanda R
 - iv) Bandar pentadbiran bertanda S

[4 markah]

- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perletakan petempatan luar bandar.


[8 markah]

- (c) Terangkan **empat** fungsi petempatan luar bandar di Malaysia.

[8 markah]

Bahagian C

Di atas Peta 2 , namakan:



Peta 2 :Malaysia

P	
Q	

R	
S	

- 2 (a) Berdasarkan Peta 2,
- i) Ibu negeri bertanda P
 - ii) Bandar sempadan bertanda Q
 - iii) Bandar diraja bertanda R
 - iv) Bandar pelabuhan sungai bertanda S
- [4 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar baharu di Malaysia.
- [8 markah]
- (c) Terangkan langkah untuk membangunkan bandar baharu yang mesra alam sekitar.
- [8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 14: Petempatan

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan Foto 1 berikut.



Foto 1

- 3 (a) Apakah jenis pola petempatan dalam Foto 1? [1 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi pembentukan pola petempatan dalam Foto 1. [6 markah]
- (c) Bagaimanakah proses urbanisasi memberikan kesan terhadap alam sekitar? [8 markah]
- (d) Cadangkan langkah untuk mengurangkan masalah urbanisasi. [5 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 15: Urbanisasi

Bahagian C

- 1 (a) Terangkan proses urbanisasi di Malaysia.
[4 markah]
- (b) Jelaskan faktor yang mempengaruhi perkembangan bandar besar di Malaysia.
[6 markah]
- (c) Huraikan kesan pembandaran terhadap alam sekitar.
[4 markah]
- (d) Cadangkan langkah untuk mengurangkan kesan tersebut.
[6 markah]

- 2 (a) Mengapakah kebanyakan proses urbanisasi berlaku di pantai barat Semenanjung Malaysia.?
[4 markah]
- (b) Huraikan faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi di Malaysia.
[8 markah]
- (c) Berikan cadangan anda untuk mengatasi masalah urbanisasi di Malaysia.
[8 markah]

- 3 (a) Jelaskan proses urbanisasi di bandar metropolitan Kuala Lumpur.
[4 markah]
- (b) Huraikan kesan proses urbanisasi terhadap manusia dan alam sekitar.
[8 markah]
- (c) Terangkan langkah untuk mengurangkan kesan proses urbanisasi terhadap alam sekitar.
[8 markah]

Geografi Tingkatan 4
Bab 15: Urbanisasi

Bahagian C

Soalan 4 berdasarkan Foto berikut.



Foto 2

- 4 (a) Berdasarkan foto 1, bagaimanakah proses urbanisasi memberikan kesan terhadap alam sekitar.

[8 markah]

- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi.

[8 markah]

- (c) Cadangkan langkah untuk mengurangkan masalah urbanisasi.

[4 markah]

SOALAN GEOGRAFI TINGKATAN 5
BAB 3 HINGGA BAB 10
BAHAGIAN C

Geografi Tingkatan 5
Bab 3 : Fenomena Cuaca Dan Iklim

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan Foto 1 di bawah.



Foto 1

- 1 (a) Apakah fenomena cuaca yang ditunjukkan dalam foto 1 di atas?
[1 markah]
- (b) Terangkan faktor yang menyebabkan berlakunya fenomena cuaca tersebut.
[6 markah]
- (c) Huraikan kesan kejadian tersebut terhadap manusia dan alam sekitar.
[8 markah]
- (d) Cadangkan langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan berlakunya fenomena tersebut.
[5 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 3 : Fenomena Cuaca Dan Iklim

Bahagian C

Soalan 2 berdasarkan Foto 2 di bawah.



Foto 2

- 2 (a) . Apakah fenomena yang dikaitkan dengan fenomena dalam foto 2 di atas?
[1 markah]
- (b) Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi fenomena di atas.
[5 markah]
- (c) Jelaskan kesan fenomena di atas terhadap penduduk dan alam sekitar.
[8 markah]
- (d) Huraikan langkah yang boleh diambil untuk mengawal kesan fenomena tersebut.
[6 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 3 : Fenomena Cuaca Dan Iklim

Bahagian C

Jadual 1 menunjukkan suhu di dua buah kawasan di Malaysia.

Tempat \ Bulan	Jan	Feb	Mac	Apr	Mei	Jun	Jul	Ogos	Sept	Okt	Nov	Dis
Shah Alam (39 m)	27	28	28	28	28	28	29	27	27	27	27	26
Tanah Rata (1450 m)	18	18	19	19	19	19	19.4	19	18	18	18	17

Jadual 1

- 3 (a) Berdasarkan jadual 1 di atas, kirakan min suhu tahunan bagi:

- (i) Shah Alam : _____
(ii) Tanah Rata : _____

[2 markah]

- (b) Bandingkan suhu yang dialami bagi kedua-dua tempat berkenaan.

[6 markah]

- (c) Terangkan kesan yang akan berlaku jika suhu seperti di Shah Alam terus meningkat.

[8 markah]

- (d) Cadangkan langkah untuk mengurangkan kesan fenomena tersebut.

[4markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 4 : Cuaca Dan Iklim Serta Pengaruhnya

Bahagian C

Pernyataan berikut tentang cuaca dan iklim.

Kejadian hujan asid sering berlaku di beberapa lokasi bandar utama di Malaysia.

- 1 (a) Jelaskan faktor yang menyebabkan berlakunya kejadian hujan asid tersebut.
[8 markah]
- (b) Huraikan kesan kejadian hujan asid kepada manusia dan kawasan sekitarnya.
[8 markah]
- (c) Cadangkan langkah yang boleh dilaksanakan untuk mengurangkan kejadian hujan asid tersebut.
[4 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 5: Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar
Bab 6: Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar

Bahagian C

Soalan 1 berdasarkan Foto 1 di bawah.



Foto 1

- 1 (a) . Nyatakan empat ciri tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam Foto 1.
[4markah]
- (b) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam ekosistem hutan hujan tropika
[6 markah]
- (c) Huraikan kesan kegiatan manusia terhadap tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Malaysia
[6 markah]
- (d) Cadangkan empat usaha yang boleh dilakukan untuk pemeliharaan dan pemuliharaan tumbuh-tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Malaysia
[4 markah]
- 2 (a) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi dalam ekosistem hutan paya bakau
[6 markah]
- (b) Nyatakan empat kesan kegiatan manusia terhadap keseimbangan ekosistem hutan paya bakau
[4 markah]
- (c) Terangkan kepentingan tumbuh-tumbuhan semula jadi kepada perkembangan ekonomi di Malaysia.
[6 markah]
- (d) Berikan empat cadangan untuk mengatasi masalah kepupusan tumbuh tumbuhan semula jadi dan hidupan liar di Malaysia .
[4 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 5: Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar
Bab 6: Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar

Bahagian C

Soalan 3 berdasarkan Foto 2 di bawah.



Foto 2

- 3 (a) Jelaskan ciri tumbuh-tumbuhan semulajadi seperti dalam Foto 2.
[4 markah]
- (b) Akta Perhutanan Negara 1985 telah diwartakan sebagai undang-undang untuk mengawal kawasan hutan simpan, taman negara, hutan lipur dan rizab perlindungan haiwan.
Mengapakah peruntukan akta tersebut masih gagal untuk mengawal penerokaaan hutan secara haram?
[6 markah]
- (c) Huraikan kepentingan sumber hutan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.
[6 markah]
- (d) Cadangkan langkah pengurusan hutan secara lestari untuk menjamin bekalan sumber hutan yang berkekalan
[4 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 5: Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar
Bab 6: Pemeliharaan Dan Pemuliharaan Tumbuhan Semula Jadi Dan Hidupan Liar

Bahagian C

Soalan 4 berdasarkan Foto 3 di bawah.



Foto 3

Tahun	Keluasan (Hektar)
1950	800000
2013	575000

Jadual 1 : Keluasan Tumbuhan Semulajadi

Sumber : Sinar harian 3 Sept 2013

- 4 (a) Mengapakah berlakunya perubahan keluasan tumbuhan semulajadi di atas dari tahun 1950 hingga 2013
[4 markah]
- (b) Jelaskan kesan perubahan keluasan tumbuhan semula jadi dalam jadual 1 terhadap alam sekitar
[6 markah]
- (c) Cadangkan usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan bagi mengekalkan keseimbangan ekosistem tumbuhan semula jadi tersebut
Huraikan kepentingan sumber hutan kepada pembangunan ekonomi Malaysia.
[6 markah]
- (d) Pada pendapat anda, wajarkah kawasan tumbuhan semulajadi tersebut di tebus guna untuk kegiatan ekonomi?
[4 markah]


Geografi Tingkatan 5
Bab 7: Sumber Tenaga

Bahagian C

1(a) Di atas Peta 1, namakan:

- i) Sumber tenaga boleh baharu kawasan bertanda **P**
- ii) Sumber tenaga boleh baharu kawasan bertanda **Q**
- iii) Sumber tenaga boleh baharu kawasan bertanda **R**
- iv) Sumber tenaga boleh baharu kawasan bertanda **S**

[4 markah]



Peta 1: Dunia

P		R	
Q		S	

(b) Huraikan kepentingan penggunaan sumber tenaga boleh baharu di Malaysia pada masa akan datang.

[8 markah]

(c) Huraikan kelebihan tenaga suria berbanding tenaga petroleum.

[8 markah]

Geografi Tingkatan 5

Bab 7: Sumber Tenaga

Bahagian C

Soalan 2 berdasarkan Foto 1 di bawah



Foto 1

- 2 (a) Terangkan faktor yang mempengaruhi pembinaan empangan hidroelektrik di Malaysia. [6 markah]
- (b) Huraikan kepentingan penggunaan sumber tenaga hidroelektrik terhadap sosioekonomi sesebuah negara. [8 markah]

Soalan berikut berdasarkan keratan akhbar di bawah.



(Sumber: Berita Harian 20 Febuari 2014)

- (c) Bagaimanakah langkah penjimatan tenaga boleh di lakukan di negara kita? [6 markah]

Geografi Tingkatan 5

Bab 8: Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga

Bahagian C

Foto 1 menunjukkan kaedah penerokaan sumber tenaga di Malaysia.



Foto 1

1 (a) Jelaskan kesan penerokaan sumber tenaga tersebut terhadap alam sekitar ?

[8 markah]

Soalan berikut berkaitan dengan keratan akhbar di bawah.



(Sumber : Berita Harian 9 Febuari 2021)

(b) Mengapakah pihak kerajaan perlu melaksanakan tindakan seperti di dalam keratan akhbar di atas?

[6 markah]

(c) Terangkan usaha-usaha untuk mengurangkan kesan kejadian tersebut.

[6 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 8: Kesan Penerokaan dan Pengurusan Sumber Tenaga

Bahagian C

- 2 (a) Foto 2 menunjukkan satu bentuk tenaga yang banyak digunakan oleh negara luar bagi mengatasi kekurangan sumber tenaga. Malaysia juga berpotensi untuk memajukan sumber tenaga tersebut. Pada pendapat anda wajarkah Malaysia meneruskan penerokaan sumber tenaga tersebut.



Foto 2

[8 markah]

- (b) Jelaskan kesan penerokaan sumber tenaga tersebut terhadap manusia dan alam sekitar?

[6 markah]

- (c) Huraikan usaha-usaha untuk mengurangkan kesan penerokaan sumber tersebut terhadap alam sekitar.

[6 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 9: Kegiatan Ekonomi Utama
Bab 10 : Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar


Bahagian C

1 (a) Soalan 1 *berdasarkan* Peta 1, namakan lokasi tersebut:

- (i) Pulau Pelancongan bertanda **P**
- (ii) Lokasi Agropelancongan bertanda **Q**
- (iii) Pusat Ekopelancongan bertanda **R**
- (iv) Taman Negara bertanda **S**

[4 markah]

Peta 1 untuk soalan No. 1 (a)



Peta 1: Malaysia

P		R	
Q		S	

(b) Mengapakah kawasan tanah tinggi penting kepada kegiatan pertanian di Malaysia?

[4 markah]

(c) Mengapakah kegiatan agropelancongan di Tanah Tinggi Cameron telah mengakibatkan banjir di kawasan tersebut?

[6 markah]

(d) Wajarkah Kerajaan menghadkan kegiatan agropelancongan di kawasan tanah tinggi Malaysia. Berikan alasan anda.

[6 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 9: Kegiatan Ekonomi Utama
Bab 10 : Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

Bahagian C

- 2 (a) Jelaskan faktor fizikal yang mempengaruhi kegiatan ekonomi di dunia.
[6 *markah*]
- (b) Huraikan kepentingan kegiatan ekonomi kepada Pembangunan sesebuah negara.
[5 *markah*]
- (c) Terangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar.
[5 *markah*]
- (d) Bagaimanakah cara untuk mengurangkan kesan kegiatan ekonomi terhadap alam sekitar?
[4 *markah*]

Geografi Tingkatan 5
Bab 9: Kegiatan Ekonomi Utama
Bab 10 : Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

Bahagian C

Soalan 3 berdasarkan Foto 3 di bawah.



Foto 3

- 3 (a) Jelaskan faktor yang menggalakkan kegiatan ekonomi dalam Foto 3 di atas. [8 markah]
- (b) Terangkan kepentingan kegiatan tersebut terhadap pembangunan negara. [4 markah]
- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan aktiviti pembalakan.
- Tidak dinafikan bahawa pembalakan telah memberikan sumbangan ekonomi kepada sesebuah negara, namun perlulah dikawal dan mengikut undang-undang sedia ada tanpa menafikan keselamatan manusia dan hidupan haiwan serta penjagaan alam sekitar.
- (i) Jelaskan kesan kegiatan pembalakan terhadap alam sekitar. [4 markah]
- (ii) Cadangkan langkah untuk mengatasi kesan di (c) (i). [4 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 9: Kegiatan Ekonomi Utama
Bab 10 : Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

Bahagian C

Jadual 1 menunjukkan lokasi pemasangan kenderaan di Malaysia.

Lokasi Pemasangan	Jenama Kenderaan
Pekan, Pahang	Volkswagen
Kulim, Kedah	Hyundai
Serendah, Selangor	Nissan
Pegoh, Melaka	Honda
Tanjung Malim, Perak	Proton

Jadual 1

- 4 (a) Berdasarkan Jadual 1, mengapakah Malaysia menjadi tumpuan industri pemasangan kenderaan?
[6 markah]
- (b) Jelaskan sumbangan kemajuan industri automotif kepada pembangunan negara Malaysia.
[6 markah]
- (c) Terangkan kesan pertambahan bilangan kenderaan terhadap manusia dan alam sekitar.
[4 markah]
- (d) Kemukakan langkah yang sesuai bagi menghadapi pertambahan bilangan kenderaan di Malaysia.
[4 markah]

Geografi Tingkatan 5
Bab 9: Kegiatan Ekonomi Utama
Bab 10 : Kesan Kegiatan Ekonomi Terhadap Alam Sekitar

Bahagian C

Foto 4 menunjuk



Foto 4

- 5 (a) Jelaskan kepentingan Kegiatan ekonomi dalam Foto 4 di atas terhadap pembangunan negara. [4 markah]
- (b) Mengapakah kegiatan ekonomi dalam Foto 4 tersebut boleh berkembang pesat di Malaysia? [4 markah]
- (c) Huraikan kesan perkembangan kegiatan ekonomi dalam Foto 4 terhadap alam sekitar. [6markah]
- (d) Huraikan usaha untuk memastikan kegiatan ekonomi dalam Foto 4 di atas tidak menjejaskan kelestarian alam sekitar di Malaysia. [4 markah]